



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]
- PEKELILING -



*** KEJUJURAN DAN KETEKUNAN ***

Fail : MBSA/PTD/SM/500-2/1 Jld.2 (34)

Tarikh : 30 Julai 2012
10 Ramadhan 1433H

Kepada :
**Semua Ketua Jabatan/Bahagian/
Pejabat Cawangan
Majlis Bandaraya Shah Alam**

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN CUTI REHAT SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI
TAHUN 2012**

Perkara diatas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa mengikut perkiraan kalendar Tahun 2012, cuti Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini adalah pada 19 dan 20 Ogos 2012 dan cuti gantian adalah pada 21 Ogos 2012.

3. Sehubungan itu, tuan/puan diminta memastikan semua pegawai dan kakitangan di jabatan/bahagian/pejabat cawangan tuan/puan membuat permohonan cuti rehat sempena Hari Raya ini melalui **sistem HRMIS**. Tuan/puan juga diminta memastikan sekurang-kurangnya 30% pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (A) dan Kumpulan Sokongan I (B) serta kakitangan-kakitangan berkaitan ada bertugas di pejabat pada tarikh **17 Ogos 2012 hingga 28 Ogos 2012**.

4. Sila kemukakan Jadual Cuti Rehat Hari Raya jabatan/bahagian/pejabat cawangan tuan/puan ke Bahagian Sumber Manusia selewat-lewatnya pada **3 Ogos 2012**. Untuk pegawai Pengurusan Tertinggi kelulusan bercuti hanya boleh dibuat oleh Datuk Bandar dan Timbalan Datuk Bandar.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI JAMRI BIN BASNI)
Pegawai Khidmat Pengurusan
b.p. Datuk Bandar.